

Gadis 15 tahun penyamun ganas

Mato 8/8/12 M.H.Z.

Lakukan rompakan bersenjata bersama 2 rakan sekitar Negeri Sembilan

>>Oleh Amir Abd Hamid
amir@hmetro.com.my

SEREMBAN: Umurnya baru 15 tahun, tetapi seorang gadis menjadi buruan polis kerana disyaki terbabit dalam beberapa kes samun berkumpulan dengan bersenjatakan parang dan pisau Rambo di beberapa lokasi di Negeri Sembilan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) negeri, Asisten Komisioner Hamdan Majid berkata, siasatan awal mendapati gadis berasal dari Selangor itu disyaki terbabit dalam empat kes samun, termasuk yang terbaru, 31 Julai lalu.

Beliau berkata, dalam kejadian jam 12.45 tengah hari itu, suspek bersama dua rakan disyaki menyamun seorang suri rumah berusia 34 tahun yang baru saja menghantar anak ke sekolah.

"Ketika itu mangsa berada di dalam kereta dan didatangi seorang daripada suspek yang terus masuk ke dalam kereta itu sebelum mengacukan pisau ke leher dan pinggang mangsa.

"Suspek berusia 24 tahun itu bertindak agresif dengan mengugut untuk mencederakan suri rumah terbabit seandainya mangsa enggan menyerahkan Proton Satria



RAMPAS...Hamdan menunjukkan senjata yang digunakan kumpulan trio suspek termasuk gadis berusia 15 tahun.

dipandunya.

"Pada masa sama, suspek merentap rantai leher dan gelang tangan dipakai mangsa bernilai kira-kira RM3,500," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan, semalam.

Bagaimanapun katanya, dua anggota polis yang membuat rondaan rutin Ops Payung melihat kereta dipandu mangsa dalam keadaan tidak stabil, menghampiri kenderaan itu untuk memeriksanya.

Menurutnya, suspek yang menyedari kehadiran polis terus melompat keluar dari

kereta dan melarikan diri, namun kecekapan anggota polis dapat memberkasnya.

"Daripada suspek itu, polis menjumpai sebilah pisau Rambo, seutas rantai leher dan seutas gelang tangan.

"Kami dapati dua lagi rakan suspek iaitu lelaki tempatan berusia 24 tahun dan perempuan berumur 15 tahun yang berada dalam Perodua MyVi berhampiran lokasi juga melarikan diri.

"Susulan tangkapan pertama, seorang lagi suspek lelaki kumpulan itu dapat diberkas di Flat Lobak pada 5 Ogos lalu jam 9 pagi," katanya.

Hamdan berkata, hasil siasatan terhadap suspek kedua itu, pihaknya menemui semula Perodua Myvi yang disamun pada 24 Julai lalu di sebuah tadika di Mantin.

Katanya, dalam kes itu suspek meninggalkan motosikal di tadika berkenaan sebelum menyamun kereta Myvi itu dan siasatan polis mendapati motosikal itu juga bersabit kes samun di Pandamaran, Klang, Selangor.

"Selain kereta Myvi kami menemui sebilah parang sepanjang, satu rambut palsu, tiga penutup mulut, sepasang sarung tangan serta beberapa dokumen," katanya.